

## **USUL PINDAAN PERLEMBAGAAN UMNO (Menurut Fasal 30 Perlembagaan UMNO)**

“Bahawasanya Perhimpunan Agung Khas UMNO yang bersidang pada hari ini, Khamis, 15hb. Oktober, 2009, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, mengambil ketetapan meminda Perlembagaan UMNO pada Fasal-fasal asal seperti berikut:-

1. **FASAL 5 – PENDAFTARAN KEAHLIAN**

Meminda Fasal kecil 5.2

2. **FASAL 8 – PERHIMPUNAN AGUNG**

Memansuhkan Fasal kecil 8.3.3 (asal) , meminda Fasal-fasal kecil 8.3.4 menjadi Fasal kecil 8.3.3 (baru), meminda Fasal-fasal kecil 8.4.3 dan 8.4.4

3. **FASAL 9 – MAJLIS TERTINGGI**

Meminda Fasal kecil 9.2.8, meminda Fasal-fasal kecil 9.3, 9.4, 9.5, 9.9 dan 9.10

4. **FASAL 10 – TANGGUNGJAWAB MAJLIS TERTINGGI**

Memansuhkan Fasal kecil 10.2, meminda Fasal-fasal kecil 10.9 dan 10.15

5. **FASAL 14 – BAHAGIAN**

Meminda Fasal-fasal kecil 14.4.3 dan 14.4.4, memasukkan Fasal kecil 14.4.7 (baru), meminda Fasal-fasal kecil 14.5.1, 14.5.2 dan 14.5.4

6. **FASAL 15 – JAWATANKUASA BAHAGIAN**

Meminda Fasal-fasal kecil 15.1.8, 15.2 dan 15.5, memansuhkan Fasal kecil 15.13.4, meminda Fasal kecil 15.13.8

7. **FASAL 17 – CAWANGAN**

Meminda Fasal kecil 17.4.3, memansuhkan Fasal-fasal kecil 17.5.7 dan 17.5.8

8. **FASAL 18 – JAWATANKUASA CAWANGAN**

Meminda Fasal kecil 18.1.8, memansuhkan Fasal-fasal kecil 18.12.3 dan 18.12.4, meminda Fasal kecil 18.12.11 menomborkan semula menjadi Fasal kecil 18.12.9 (baru)

9. **FASAL 25 – YURAN UMNO**

Meminda Fasal kecil 25.1, memansuhkan Fasal-fasal kecil 25.2 dan 25.3

**PERINCIAN FASAL-FASAL YANG DIPINDA, DIMASUKKAN SEBAGAI FASAL KECIL BARU DAN FASAL-FASAL YANG DIMANSUHKAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:-**

<b>FASAL</b>	<b>FASAL ASAL</b>	<b>CADANGAN / PINDAAN</b>	<b>ULASAN</b>
<b>FASAL 5</b>	<b>PENDAFTARAN KEAHLIAN</b>		
<b>Fasal 5.2</b>	Permohonan mendaftar sebagai ahli biasa hendaklah <u>dikemukakan kepada Jawatankuasa Cawangan</u> yang dikehendaki menerima dan meluluskan permohonan tersebut.	Permohonan mendaftar sebagai ahli biasa hendaklah <b>dikemukakan kepada Ketua Cawangan atau Ketua Wanita Cawangan atau Ketua Pemuda Cawangan atau Ketua Puteri Cawangan</b> masing-masing yang dikehendaki menerima dan meluluskan permohonan tersebut.	<b>Pendaftaran keahlian dilebarkan kepada pengesahan mana-mana Ketua Cawangan atau Ketua Pergerakan di peringkat Cawangan.</b>
<b>FASAL 8</b>	<b>PERHIMPUNAN AGUNG</b>		
<b>Fasal 8.3</b>	Tugas-tugas Perhimpunan Agung Tahunan ialah:-		
<b>Fasal 8.3.3</b>	Tertakluk kepada Fasal 9.3 memilih Ahli-ahli Majlis Tertinggi.	<b>- Dimansuhkan -</b>	<b>Pemilihan dilakukan di peringkat Bahagian.</b>
<b>Fasal 8.3.4</b>	Memilih Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap dan melantik Juruaudit untuk tempoh Majlis Tertinggi.	<b>8.3.3 Melantik Juruaudit untuk tempoh Majlis Tertinggi.</b>	<b>Penomboran semula oleh kerana Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap akan dipilih di peringkat Bahagian.</b>

USUL PINDAAN PERLEMBAGAAN

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
<b>Fasal 8.4</b>	Perhimpunan Agung Tahunan hendaklah terdiri daripada:-		
<b>Fasal 8.4.3</b>	Wakil yang dipilih oleh Perwakilan Tahunan Bahagian sebanyak seorang wakil bagi tiap-tiap lima ratus orang ahli <u>yang telah menjelaskan yuran</u> dengan syarat bilangan wakil-wakil itu tidak lebih daripada tujuh orang dari satu Bahagian termasuk Bahagian yang Jawatankuasanya sedang digantung jika Bahagian itu boleh mengadakan Perwakilan Bahagian dengan sempurna.	Wakil yang dipilih oleh Perwakilan Tahunan Bahagian sebanyak seorang wakil bagi tiap-tiap lima ratus <b>(500)</b> orang ahli dengan syarat bilangan wakil-wakil itu tidak lebih daripada <b>tujuh (7)</b> orang dari satu Bahagian termasuk Bahagian yang Jawatankuasanya sedang digantung jika Bahagian itu boleh mengadakan Perwakilan Bahagian dengan sempurna.	<b>Pindaan kerana yuran akan dibayar sekali seumur hidup</b>
<b>Fasal 8.4.4</b>	<u>Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Ketua Pergerakan Pemuda, Ketua Pergerakan Wanita dan Ketua Pergerakan Puteri Bahagian</u> yang telah mengadakan Perwakilan Bahagiannya <u>dan telah menjelaskan yuran mengikut peruntukan dalam Perlembagaan.</u> Mereka di atas yang menjadi Ahli Majlis Tertinggi berhak melantik gantinya yang terdiri daripada Pengerusi Tetap atau Ahli Jawatankuasa Bahagian.	Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Ketua Pergerakan Wanita, Ketua Pergerakan Pemuda Ketua Pergerakan Puteri <b>dan Setiausaha Bahagian</b> yang telah mengadakan Perwakilan Bahagiannya. Mereka di atas yang menjadi Ahli Majlis Tertinggi berhak melantik gantinya yang terdiri daripada Pengerusi Tetap atau Ahli Jawatankuasa Bahagian.	<b>Setiausaha Bahagian dapat menghadiri Perhimpunan Agung secara automatik.</b>

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
<b>FASAL 9</b>	<b>MAJLIS TERTINGGI</b>		
<b>Fasal 9.2</b>	Majlis Tertinggi hendaklah terdiri daripada :-		
<b>Fasal 9.2.8</b>	Tidak lebih daripada dua belas orang yang dilantik oleh Presiden termasuk sekurang-kurangnya seorang dari <u>Pergerakan Pemuda</u> , seorang dari <u>Pergerakan Wanita</u> dan seorang dari <u>Pergerakan Puteri</u> .	Tidak lebih daripada <b>tigabelas (13)</b> orang yang dilantik oleh Presiden termasuk sekurang-kurangnya <b>dua (2) orang dari Pergerakan Wanita</b> satu (1) orang dari Pergerakan Pemuda, dan satu (1) orang dari Pergerakan Puteri.	<b>Penambahan ahli Majlis Tertinggi Wanita yang dilantik oleh Presiden ke Majlis Tertinggi.</b>
<b>Fasal 9.3</b>	Presiden, Timbalan Presiden, tiga orang Naib Presiden dan dua puluh lima orang Ahli Majlis Tertinggi hendaklah dipilih oleh <u>Perhimpunan Agung</u> tiap-tiap 3 tahun sekali.	<b>Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap</b> , Presiden, Timbalan Presiden, tiga (3) orang Naib Presiden dan dua puluh lima (25) orang Ahli Majlis Tertinggi hendaklah dipilih <b>dalam Persidangan Bahagian</b> tiap-tiap 3 tahun sekali.	<b>Pemilihan Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Presiden, Timbalan Presiden, Naib-naib Presiden, Ahli-ahli Majlis Tertinggi akan dipilih oleh setiap Bahagian UMNO.</b>
<b>Fasal 9.4</b>	Ketua dan Naib Ketua Pemuda, Ketua dan Naib Ketua Wanita, Ketua dan Naib Ketua Puteri hendaklah dipilih oleh <u>Perhimpunan Agung</u> tiap-tiap 3 tahun sekali. Ketua Pemuda, Ketua Wanita dan Ketua Pergerakan Puteri mempunyai hak-hak dan kuasa-kuasa Naib Presiden.	Ketua dan Naib Ketua <b>Pergerakan Wanita</b> , Ketua dan Naib Ketua <b>Pergerakan Pemuda</b> , Ketua dan Naib Ketua <b>Pergerakan Puteri</b> hendaklah dipilih <b>dalam Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Bahagian masing masing</b> tiap-tiap 3 tahun sekali. Ketua Pergerakan Wanita, Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Puteri mempunyai hak-hak dan kuasa-kuasa Naib Presiden.	<b>Cadangan Pemilihan Ketua dan Naib Ketua Pergerakan dilakukan oleh Pergerakan Bahagian selaras dengan kaedah pemilihan Majlis Tertinggi.</b>

USUL PINDAAN PERLEMBAGAAN

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
<b>Fasal 9.5</b>	<p>Calon-calon yang bertanding untuk memegang jawatan Majlis Tertinggi hendaklah dinamakan oleh sekurang-kurangnya:-</p> <p>(a) Presiden - 30%</p> <p>(b) Timbalan Presiden - 20%</p> <p>(c) Naib Presiden - 10%</p> <p>(d) Ahli-ahli Majlis Tertinggi - 5%</p> <p>Daripada jumlah Bahagian yang sah mengikut Fasal 14.5.4</p>	<p><b>Calon-calon yang ingin bertanding untuk mana-mana jawatan Ahli Majlis Tertinggi hendaklah mendaftarkan dirinya dan pernah memegang mana-mana jawatan sebagai Ahli Majlis Tertinggi atau Ahli Jawatankuasa Bahagian selama satu (1) penggal.</b></p>	<p>Kelayakan calon-calon yang ingin bertanding sebagai pucuk pimpinan UMNO dipinda dan digantikan dengan keperluan untuk mendaftarkan dirinya dan pernah memegang mana-mana jawatan Ahli Jawatankuasa Bahagian selama satu (1) penggal.</p>
<b>Fasal 9.9</b>	<p>Jika Presiden berhenti maka Timbalan Presiden hendaklah memangku jawatan itu sehingga diadakan <u>Perhimpunan Agung</u> untuk memilih Presiden baru mengikut Fasal 9.3 dan ia mempunyai kuatkuasa mengikut Fasal 9.8.1.</p>	<p>Jika Presiden berhenti maka Timbalan Presiden hendaklah memangku jawatan itu sehingga diadakan <b>pemilihan Presiden</b> untuk memilih Presiden baru mengikut Fasal 9.3 dan ia mempunyai kuasa mengikut Fasal 9.8.1.</p>	<p><b>M e m a n d a n g k a n pemilihan dibuat peringkat Bahagian, maka pindaan ini perlu untuk tujuan penyelarasan.</b></p>
<b>Fasal 9.10</b>	<p>Jika Pemangku Presiden berhenti, Majlis Tertinggi hendaklah memilih seorang daripada Naib Presiden memangku jawatan itu sehingga diadakan <u>Perhimpunan Agung</u> memilih Presiden baru mengikut Fasal 9.3 dan ia mempunyai kuatkuasa mengikut Fasal 9.8.1.</p>	<p>Jika Pemangku Presiden berhenti, Majlis Tertinggi hendaklah memilih seorang daripada Naib Presiden memangku jawatan itu sehingga diadakan <b>pemilihan Presiden</b> untuk memilih Presiden baru mengikut Fasal 9.3 dan ia mempunyai kuasa mengikut Fasal 9.8.1.</p>	<p><b>M e m a n d a n g k a n pemilihan dibuat peringkat Bahagian, maka pindaan ini perlu untuk tujuan penyelarasan.</b></p>

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
<b>FASAL 10</b>	<b>TANGGUNGJAWAB MAJLIS TERTINGGI</b>		
<b>Fasal 10.2</b>	Menerima wang yuran tahunan yang dibayar melalui Cawangan dan Bahagian-bahagian yang dibuat mengikut Fasal 25.2 dan Fasal 26.1 dan menentukan tarikh pembayaran yuran mengikut Fasal 25.2 dan 25.3.	<b>- dimansuhkan -</b>	<b>Pindaan kerana yuran akan dibayar sekali seumur hidup.</b>
<b>Fasal 10.9</b>	Dengan persetujuan dua pertiga daripada bilangan Ahli Majlis Tertinggi, berhak menolak semua sekali Ahli Perwakilan Bahagian yang menghadiri Perhimpunan Agung yang <u>didapati pungutan yuran tidak mengikut Fasal 25.1 dan 25.2.</u>	Dengan persetujuan dua pertiga daripada bilangan Ahli Majlis Tertinggi, berhak menolak semua sekali Ahli Perwakilan Bahagian yang menghadiri Perhimpunan Agung.	<b>Pindaan kerana yuran akan dibayar sekali seumur hidup.</b>
<b>Fasal 10.15</b>	Membuat peraturan bagi menubuhkan <u>Jawatankuasa Pemilihan</u> serta Peraturan untuk melaksanakan, mengawal dan menyelia pemilihan jawatan-jawatan di semua peringkat dan menubuhkan Jawatankuasa Kecil yang lain.	Membuat peraturan bagi menubuhkan <b>Jawatankuasa Pemilihan UMNO</b> serta Peraturan untuk melaksanakan, mengawal dan menyelia pemilihan jawatan-jawatan di semua peringkat dan menubuhkan Jawatankuasa Kecil yang lain.	<b>Diwujudkan sebuah jawatankuasa yang menyelia perjalanan pemilihan yang dinamakan Jawatankuasa Pemilihan UMNO (JPU). Pengerusi JPU dilantik oleh Presiden.</b>

USUL PINDAAN PERLEMBAGAAN

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
<b>FASAL 14</b>	<b>BAHAGIAN</b>		
<b>Fasal 14.4</b>	Perwakilan Bahagian hendaklah terdiri daripada:-		
<b>Fasal 14.4.3</b>	Ketua Cawangan yang Cawangannya telah mengadakan persidangan dan telah menjelaskan yuran kepada Bahagian bagi tahun berkenaan. Ketua Cawangan yang menjadi Ahli Jawatankuasa Bahagian berhak melantik gantinya yang terdiri daripada Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap atau Ahli Jawatankuasa Cawangan.	<b>Ketua Cawangan yang Cawangannya telah mengadakan persidangan bagi tahun berkenaan.</b> Ketua Cawangan yang menjadi Ahli Jawatankuasa Bahagian berhak melantik gantinya yang terdiri daripada Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap atau Ahli Jawatankuasa Cawangan.	<b>Pindaan kerana yuran akan dibayar sekali seumur hidup.</b>
<b>Fasal 14.4.4</b>	Wakil-wakil yang dilantik oleh Persidangan Cawangan sebanyak seorang wakil bagi tiap-tiap lima puluh orang ahli yang telah menjelaskan yurannya mengikut Fasal 25.1 dan 25.2, tetapi jumlah Ahli Perwakilan itu tidak lebih daripada lima orang dari satu Cawangan.	Wakil-wakil yang dilantik oleh Persidangan Cawangan sebanyak seorang wakil bagi tiap-tiap lima puluh (50) orang ahli tetapi jumlah Ahli Perwakilan itu tidak lebih daripada lima (5) orang dari satu Cawangan.	<b>Pindaan kerana yuran akan dibayar sekali seumur hidup.</b>
<b>Fasal 14.4.7</b>	<b>- Tiada -</b>	<b>Ketua-ketua Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri Cawangan yang telah mengadakan persidangan bagi tahun berkenaan.</b>	<b>Fasal baru bagi penambahan Ketua-Ketua Pergerakan ke Perwakilan Bahagian.</b>

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
<b>Fasal 14.5</b>	Tugas-tugas Perwakilan Bahagian ialah:-		
<b>Fasal 14.5.1</b>	Memilih Ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian <u>tertakluk kepada Fasal 15.3.</u>	<b>Tertakluk kepada Fasal 15.3, memilih Ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian.</b>	<b>Pindaan bagi tujuan penyelarasan.</b>
<b>Fasal 14.5.2</b>	<u>Memilih wakil-wakil Bahagian ke Perhimpunan Agung.</u> Wakil-wakil yang tidak dipilih dalam Perwakilan Bahagian atau sebarang pertukaran selepas itu tidak sah. Mana-mana wakil yang tidak dapat hadir tidak boleh melantik gantinya.	<b>Memilih tujuh (7) wakil UMNO Bahagian ke Perhimpunan Agung UMNO daripada penama-penama yang telah mendaftarkan diri mereka untuk bertanding.</b> Wakil-wakil yang tidak dipilih dalam Perwakilan Bahagian atau sebarang pertukaran selepas itu tidak sah. Mana-mana wakil yang tidak dapat hadir tidak boleh melantik gantinya.	<b>Pindaan sampingan selaras dengan pemilihan G7 juga dibuat di peringkat Bahagian &amp; tiada lagi cadangan nama-nama untuk wakil G7 diperingkat Cawangan.</b>
<b>Fasal 14.5.4</b>	Mencadangkan calon-calon untuk bertanding menjadi Ahli Majlis Tertinggi.	<b>Tertakluk kepada Fasal 9.3, memilih Pengerusi Tetap UMNO Malaysia, Timbalan Pengerusi Tetap UMNO Malaysia dan Ahli-ahli Majlis Tertinggi.</b>	<b>Pindaan pemilihan Ahli Majlis Tertinggi dilakukan pada peringkat Perwakilan Bahagian.</b>

USUL PINDAAN PERLEMBAGAAN

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
<b>FASAL 15</b>	<b>JAWATANKUASA BAHAGIAN</b>		
<b>Fasal 15.1</b>	Jawatankuasa Bahagian hendaklah terdiri daripada:-		
<b>Fasal 15.1.8</b>	Tidak lebih daripada <u>tujuh (7)</u> orang yang dilantik oleh Ketua termasuk sekurang-kurang <u>seorang</u> dari Pergerakan Pemuda, <u>seorang</u> dari <u>Pergerakan Wanita</u> dan <u>seseorang</u> dari <u>Pergerakan Puteri</u> .	Tidak lebih daripada <b>lapan (8)</b> orang yang dilantik oleh Ketua termasuk <b>dua (2) orang</b> dari <b>Pergerakan Wanita</b> , satu (1) orang dari Pergerakan Pemuda dan satu (1) orang dari Pergerakan Puteri.	<b>Pindaan bagi penambahan lantikan ahli jawatankuasa bahagian Wanita ke Jawatankuasa Bahagian.</b>
<b>Fasal 15.2</b>	<u>Ahli Dewan Rakyat</u> dan <u>Ahli Dewan Undangan Negeri</u> bagi Bahagian tersebut yang bukan dipilih atau dilantik mengikut Fasal 15.1 berhak menghadiri tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa Bahagian sebagai ahli tetapi tidak boleh mengundi.	<b>Ahli Dewan Negara</b> , Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Bahagian tersebut yang bukan dipilih atau dilantik mengikut Fasal 15.1 berhak menghadiri tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa Bahagian sebagai <b>ahli ex-officio</b> tetapi tidak boleh mengundi.	<b>Tambahan pindaan perkara-perkara sampingan bagi tujuan mengemaskini.</b>

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
<b>Fasal 15.5</b>	<p>Calon-calon yang bertanding untuk memegang jawatan di dalam Jawatankuasa Bahagian hendaklah dinamakan oleh sekurang-kurangnya:-</p> <p>(a) Ketua - 20%                      (b) Timbalan Ketua - 15%                      (c) Naib - 10%                      (d) Ahli Jawatankuasa - 2 Cawangan</p> <p>daripada jumlah Cawangan yang sah dalam Bahagian mengikut Fasal 17.5.7 kecuali apabila mana-mana Bahagian di mana Cawangannya melebihi 150 Cawangan mencukupilah seseorang calon itu mendapat sokongan sekurang-kurangnya 30 Cawangan bagi Ketua, 20 Cawangan bagi Timbalan Ketua dan 10 Cawangan bagi Naib Ketua.</p>	<p><b>Calon-calon yang ingin bertanding untuk mana-mana jawatan Ahli Jawatankuasa Bahagian hendaklah mendaftarkan dirinya dan telah menjadi ahli sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.</b></p>	<p><b>Kelayakan calon-calon yang ingin bertanding di peringkat Bahagian di pinda dan digantikan dengan keperluan untuk mendaftarkan dirinya dan pernah menjadi ahli sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.</b></p>
<b>Fasal 15.13</b>	Tanggungjawab, kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Bahagian ialah:-		
<b>Fasal 15.13.4</b>	Hendaklah menerima wang yuran tahunan yang dibayar oleh Cawangan-cawangan.	<b>- Dimansuhkan -</b>	<b>Pindaan kerana yuran akan dibayar sekali seumur hidup.</b>
<b>Fasal 15.13.8</b>	Dengan persetujuan dua pertiga daripada Ahli Jawatankuasa Bahagian, berhak menolak semua sekali Ahli Perwakilan Cawangan yang <u>didapati membayar yuran ahli-ahlinya tidak mengikut kehendak Fasal 25.1 dan 25.2.</u>	<b>Dengan persetujuan dua pertiga daripada Ahli Jawatankuasa Bahagian, berhak menolak semua sekali Ahli Perwakilan Cawangan.</b>	<b>Pindaan kerana yuran akan dibayar sekali seumur hidup.</b>

USUL PINDAAN PERLEMBAGAAN

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
<b>FASAL 17</b>	<b>CAWANGAN</b>		
<b>Fasal 17.4</b>	Persidangan Cawangan hendaklah terdiri daripada:-		
<b>Fasal 17.4.3</b>	Ahli-ahli UMNO yang telah menjelaskan yuran tahunannya mengikut Fasal 25.1 dan 25.2 Perlembagaan UMNO.	<b>Ahli-ahli UMNO yang telah menjelaskan yuran mengikut Fasal 25.1 Perlembagaan UMNO.</b>	<b>Rujukan kepada Fasal 25.2 yang dimansuhkan telah dikeluarkan.</b>
<b>Fasal 17.5</b>	Tugas-tugas Persidangan Cawangan ialah :-		
<b>Fasal 17.5.7</b>	Mencadangkan calon-calon untuk bertanding menjadi Ahli Jawatankuasa Bahagian.	<b>- Dimansuhkan -</b>	<b>Pindaan sampingan oleh kerana pemilihan Ahli Jawatankuasa Bahagian &amp; wakil G7 dibuat di peringkat Bahagian.</b>
<b>Fasal 17.5.8</b>	Tertakluk kepada Fasal 8.4.3, mencadangkan 7 nama untuk dipilih sebagai wakil UMNO Bahagian ke Perhimpunan Agung UMNO.	<b>- Dimansuhkan -</b>	<b>Pindaan sampingan oleh kerana pemilihan Ahli Jawatankuasa Bahagian &amp; wakil G7 dibuat di peringkat Bahagian.</b>

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
<b>FASAL 18</b>	<b>JAWATANKUASA CAWANGAN</b>		
<b>Fasal 18.1</b>	Jawatankuasa Cawangan hendaklah terdiri daripada:-		
<b>Fasal 18.1.8</b>	Tidak lebih dari <u>lima (5)</u> orang ahli yang dilantik oleh Ketua Cawangan termasuk <u>sekurang-kurangnya seorang dari Pemuda, Wanita dan Puteri.</u>	Tidak lebih dari <b>enam (6)</b> orang ahli yang dilantik oleh Ketua Cawangan termasuk sekurang-kurangnya <b>dua (2) orang daripada Pergerakan Wanita</b> , seorang dari Pergerakan Pemuda, dan seorang dari Pergerakan Puteri.	<b>Menambah lantikan ahli Wanita ke jawatan ahli jawatankuasa Cawangan.</b>
<b>Fasal 18.12</b>	Tugas-tugas Jawatankuasa Cawangan ialah :-		
<b>Fasal 18.12.3</b>	Hendaklah menerima wang yuran tahunan yang dibayar oleh ahli-ahli.	<b>- Dimansuhkan -</b>	<b>Cadangan pindaan kerana yuran akan dibayar sekali seumur hidup.</b>
<b>Fasal 18.12.4</b>	Mengkaji dan memanjangkan permohonan untuk menjadi ahli kepada Majlis Tertinggi melalui Jawatankuasa Bahagian.	<b>- Dimansuhkan -</b>	<b>Oleh kerana permohonan dan kelulusan menjadi ahli boleh dibuat kepada mana-mana Ketua Cawangan atau Ketua-Ketua Sayap Cawangan, sub-fasal lama ini telah menjadi 'redundant'.</b>
<b>Fasal 18.12.11</b>	Meluluskan permohonan mendaftar menjadi ahli dan melaporkannya kepada Jawatankuasa Bahagian dan Majlis Tertinggi.	<b>Mengumpul dan menyediakan senarai pendaftaran ahli biasa UMNO yang baru serta melaporkannya kepada Jawatankuasa Bahagian atau Majlis Tertinggi.</b>	<b>Oleh kerana permohonan dan kelulusan menjadi ahli boleh dibuat kepada mana-mana Ketua Cawangan atau Ketua-Ketua Sayap Cawangan, sub-fasal lama ini telah menjadi 'redundant'.</b>

**USUL PINDAAN PERLEMBAGAAN**

<b>FASAL</b>	<b>FASAL ASAL</b>	<b>CADANGAN / PINDAAN</b>	<b>ULASAN</b>
<b>FASAL 25</b>	<b>YURAN UMNO</b>		
<b>Fasal 25.1</b>	Tiap-tiap ahli biasa hendaklah membayar dengan wangnya sendiri kepada Ibu Pejabat melalui Cawangan dan Bahagian seringgit (RM1) bagi Wang Pendaftaran dan seringgit (RM 1) bagi bayaran yuran tahunan atau satu ratus ringgit (RM 100) bagi yuran seumur hidup.	<b>Tiap-tiap ahli biasa hendaklah membayar dengan wangnya sendiri sebanyak Ringgit Malaysia Dua (RM2) untuk mendaftar sebagai ahli. Yuran tersebut merupakan bayaran untuk seumur hidup.</b>	<b>Yuran dibayar sekali seumur hidup sewaktu pendaftaran.</b>
<b>Fasal 25.2</b>	Yuran yang telah ditetapkan mengikut Fasal 25.1 diatas hendaklah dijelaskan tidak lewat daripada tarikh mengikut Fasal 24.2 atau satu tarikh yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi melainkan ia telah membayar yuran seumur hidup.	<b>- Dimansuhkan -</b>	<b>Semua ahli UMNO hanya membayar yuran sekali sebagai yuran seumur hidup.</b>
<b>Fasal 25.3</b>	Bagi ahli-ahli yang membayar yuran tiap-tiap tahun, tarikh pembayaran yuran Cawangan kepada Bahagian dan Bahagian ke Ibu Pejabat adalah ditetapkan oleh Majlis Tertinggi.	<b>- Dimansuhkan -</b>	<b>Semua ahli UMNO hanya membayar yuran sekali seumur hidup dan boleh dibayar sama ada di Cawangan, Bahagian atau Ibu Pejabat atau dengan cara-cara lain yang ditetapkan oleh Ibu Pejabat.</b>